

---

---

## **Beberapa komen tentang piawaian (standard) air galian Malaysia**

**MOHAMAD ALI HASSAN**  
Jabatan Geologi, Universiti Malays  
59100 Kuala Lumpur

Draf Peraturan bagi 'Natural Mineral Water' dan draf Peraturan bagi 'Bottled Drinking Water' telah disediakan oleh Jawatankuasa Kecil Mendraf Peraturan Makanan pada Disember 1990, yang dilantik oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Draf-draf tersebut disediakan setelah peraturan 359. Peraturan-peraturan Makanan 1985 dimansuhkan untuk dikaji semula. Pandangan pihak pengeluar air galian (mineral) telah diambil kira didalam draf tersebut, disamping Peraturan berasaskan CODEX standard for Natural Mineral

*May-Jun 1991*

Waters (European Regional Standard) dan Malaysian Standard bagi Air di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985. Draf peraturan bagi 'bottled drinking water' didraf berasaskan cadangan pihak pengeluar air galian dan juga standard bagi air di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985. Di antara piawaian yang penting di bawah draf-draf peraturan tersebut ialah punca air, kandungan elemen (termasuk mineral), kandungan kontaminan, piawai mikrobiologi dan pelabelan.

Pembentangan kertas kerja ini akan menumpu kepada draf peraturan bagi 'Natural Mineral Water' untuk Malaysia sahaja dalam konteks persekitaran dan pengalaman keadaan negara ini. Tumpuan akan diberikan antara lain kepada (i) Definisi natural mineral water, (ii) Punca 'natural mineral water' terutamanya adalah kritikal mengawal kesahihan punca berkenaan dari segi kedalaman telaga atau strata tanah atau lain-lain aspek, (iii) Jadual ke 26 draf peraturan berkenaan dari segi kesesuaiannya dalam mengawal natural mineral water tempatan, (iv) Syor ke arah mengadakan 'standard' (piawaian) air galian Malaysia, dan (v) Beberapa maklumat muktahir kajian penulis tentang air galian Malaysia.

Adalah diharapkan dengan pembentangan kertas kerja ini, akan tersebar luas maklum balas serta perbincangan pihak ahli-ahli geologi ke arah bekerjasama menghasilkan air galian Malaysia yang dapat di percayai dan diyakini.